


Topik 7: Pengurusan Sumber Pembelajaran

KONSEP SUMBER PEMBELAJARAN


- Sumber pembelajaran secara umumnya merujuk kepada **teks, video, perisian, dan bahan-bahan lain** yang membantu pelajar untuk mencapai matlamat pembelajaran.
- Sumber pembelajaran mestilah **dinilai kesesuaian penggunaannya** (spt: memenuhi kurikulum, pertimbangan sosial, dan usia pelajar) sebelum dapat digunakan di bilik darjah.
- Penilaian sumber pembelajaran bergantung kepada **kepakaran dan penilaian profesional guru**.
- Penggunaan sumber pembelajaran **difokuskan kepada pelajar** bagi memudahkan aktiviti pembelajaran, mencapai tahap kefahaman yang tinggi, seterusnya mencapai pembelajaran berkesan.

JENIS SUMBER PEMBELAJARAN



SUMBER ASAS

Papan tulis, buku teks, dan guru sendiri sebagai model



SUMBER BUKAN ELEKTRONIK

Model, patung, gambar, lukisan, carta, gambar rajah, graf, poster, kartun, dll



SUMBER ELEKTRONIK

Slaid, radio, televisyen, video, projektor, pembesar suara, dll.



SUMBER PENGALAMAN

Lakonan, lawatan, projek, pameran, dan bahan alam sekitar

KRITERIA MEMILIH SUMBER PEMBELAJARAN



CARA PENGGUNAAN SUMBER PEMBELAJARAN

1

Penggunaan sumber pembelajaran hendaklah **sesuai dengan situasi pembelajaran.**

2

Guru hendaklah **merancang penggunaan sumber pembelajaran** supaya mencapai matlamat yang diharapkan.

3

Guru hendaklah **membimbing pelajar menggunakan sumber pembelajaran.**

4

Aktiviti pembelajaran memberi **penekanan kepada sumber yang digunakan** sama ada secara **individu atau berkumpulan.**

KOMPONEN PEMBELAJARAN BERASASKAN SUMBER



Penggunaan
buku teks



Aktiviti
penelitian



Pencarian
bahan dari
pelbagai
sumber




Latihan
penyelesaian
masalah



Penggunaan
alat pandang
dengar



KEPENTINGAN SUMBER PEMBELAJARAN



PUSAT SUMBER SEKOLAH

KONSEP PUSAT SUMBER SEKOLAH

- Tempat yang memberikan **suasana pembelajaran sendiri yang selesa**.
- Perkhidmatan yang ditawarkan membolehkan **pelajar dapat mengamalkan kemahiran dalam pembelajaran**.
- Koleksi bahan yang disediakan **lengkap dan kemaskini** sejajar dengan perkembangan pendidikan.
- Agen perubahan yang dapat **memupuk potensi dan minat murid** dalam pembelajaran.

...KONSEP PUSAT SUMBER SEKOLAH

- 1 Kemudahan Fizikal – bilik khas
- 2 Menyediakan bahan cetak dan bukan cetak
- 3 Pengurusan Teratur – diketuai Pengetua/Guru Besar
- 4 Kakitangan terlatih – kelulusan khas
- 5 Menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan

OBJEKTIF PUSAT SUMBER SEKOLAH



Membantu pelaksanaan proses PdPc berkesan.



Memupuk minat membaca dan belajar sendiri melalui sumber dalam kalangan murid.



Memupuk kemahiran penyelidikan, penyiasatan, dan mencari maklumat.



Memupuk keyakinan diri murid.

FUNGSI PUSAT SUMBER SEKOLAH

Mengumpul bahan pembelajaran menerusi pembelian atau barangan terpakai.



Mengorganisasi bahan-bahan pembelajaran secara sistematik.




Menyebarkan maklumat berkenaan bahan yang terdapat di PSS.



Memberi panduan, bimbingan, dan nasihat penggunaan perkhidmatan yang ditawarkan.

JENIS PERKHIDMATAN PUSAT SUMBER SEKOLAH

- **Perkhidmatan Perpustakaan.**
- **Perkhidmatan radio, TV pendidikan, dan bilik tayang.**
- **Perkhidmatan bahan bantu mengajar (BBM).**
- Perkhidmatan rakaman atau studio.
- Perkhidmatan Fotografi.
- Perkhidmatan Percetakan.
- Perkhidmatan Internet.



Bergantung kepada keperluan, kemampuan kewangan, fizikal, dan tenaga mahir yang ada di sekolah

CIRI-CIRI PUSAT SUMBER SEKOLAH BERKESAN

					
Wujud pelbagai aktiviti galakan penggunaan PSS	Perkhidmatan dan koleksi bahan digunakan dalam proses PdPc.	Lokasi PSS di tengah-tengah kawasan sekolah	Mempunyai koleksi yang sesuai, mencukupi, terkini dan menarik	Warga sekolah faham peranan PSS	Warga sekolah suka dan senang untuk menggunakan PSS